



**KENYATAAN TENDER**  
**NO. TAWARAN: KADA(P)T9/2017**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor Bumiputra yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred G3 di bawah Kategori, Pengkhususan CE21 yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

**CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF TALIAIR TSK DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI DALAM KAWASAN PEJABAT KADA JAJAHAN (PKJ) KOTA BHARU UTARA, KOTA BHARU, KELANTAN.**

2. Kontraktor yang ingin memasuki tawaran diatas dikehendaki berkumpul di Auditorium, Ibu Pejabat KADA, Jalan Dato' Lundang, Kota Bharu, Kelantan, pada **Jam 09.30 pagi, 19/03/2017 (AHAD)** untuk taklimat dan lawatan ke tapak kerja.  
*Taklimat dan Lawatan Tapak adalah diwajibkan.*
3. Dokumen Meja Tender akan dipamerkan di Pejabat Bahagian Kejuruteraan Awam, KADA pada waktu pejabat mulai **19/03/2017.**
4. Satu set Dokumen Tender berharga **RM150.00**(Ringgit M'sia: Satu Ratus Lima Puluh Sahaja) yang tidak akan dikembalikan, boleh dibeli di Bahagian Pengurusan, Ibu Pejabat KADA mulai dari **20/03/2017 hingga 23/03/2017.** Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Draf Bank/Wang Pos atau Wang Tunai. Draf Bank/Wang Pos dibuat di atas nama Pengurus Besar KADA.
5. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil kontraktor yang telah menghadiri taklimat dan membuat lawatan tapak sahaja. Untuk maksud ini kontraktor-kontraktor atau wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa sijil asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta Sijil Taraf Bumiputra dan *satu salinan* bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.
6. Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bermetri serta ditulis No. Tender KADA(P)T9/2017 kepada Pengurus Besar, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, Peti Surat 127, 15710 Kota Bharu, Kelantan dan mestilah dimasukkan ke dalam Peti Tender di Bahagian Pengurusan, KADA pada atau sebelum **Jam 12.00 tengahari 10/04/2017(Isnin)**  
Tawaran yang lewat diterima tidak akan dilayan.
7. KADA tidak akan terikat dengan mana-mana tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

**Pengurus Besar**  
**Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu**  
**Kelantan.**

**Bertarikh : 09 Mac 2017.**